

Selamat Hari Raya Aidil-Fitri

Y.A.B. PEMANGKU MENTERI BESAR KESALI WAKIL2 RAAYAT YG. MENGUMBANG-AMBIKANG TITAH DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEL. — Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyatakan kekesalan beliau terhadap sikap setengah2 wakil raayat yang sengahaja mengumbang ambingkan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan ketika Baginda merasmikan pembukaan persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang di-langsungkan pada 11 Disember lepas.

Kekesalan itu telah di-nyatakan beliau ketika menggulong hujjah2 yang telah di-lapadzkan oleh wakil2 raayat dalam sidang tersebut apabila majlis membahathkan usol beliau bagi mendapatkan persetujuan untuk menguchapkan terima kaseh dan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan itu.

Pada mula-nya, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengharapkan agar ahli2 majlis akan sama2 dengan beliau bagi menguchapkan sepenoh2 terima kaseh dan menjunjung kaseh atas keberangkatan dan titah Baginda dalam pembukaan persidangan tersebut.

"Tetapi malang-nya, bukan hanya ada ahli2 yang tidak mahu menguchapkan sepenoh2 terima kaseh dan menjunjung kaseh atas titah Duli Yang Maha Mulia itu, bahkan sehingga perkataan keberangkatan Baginda ka-sini pun tidak di-junjung sepenoh2-nya", tegas beliau.



Pg. Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof

Beliau menegaskan bahawa sikap bagini boleh-lah di-artikan yang mereka itu tidak-lah bagitu ikhlas benar menerima keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-majlis itu.

Mengenai perkataan 'sepenoh2-nya' yang di-buat beliau dalam usol tersebut, Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar mentafsirkannya:

"Saya fahamkan perkataan yang saya gunakan itu ia-itu

perkataan 'sepenoh2-nya' kalau di-sifatkan dengan wang sa-ringgit, penoh-lah 100 sen, tetapi jikalau di-antara ahli2 Yang Berhormat yang tidak mahu sepenoh2-nya barangkali hanya suku sen, 25 sen, 15 sen — itu terpulang-lah kepada mereka menyembahkan junjong kaseh-nya kepada Duli Yang Maha Mulia, tetapi apa yang saya kemukakan di-sini ada-lah sepenoh2-nya menjunjong kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia."

Di-samping menyatakan kekesalan beliau atas sikap setengah2 dari wakil raayat itu mengenai usol beliau itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga berkata:

DASAR KERAJAAN

"Itu-lah chara2 ahli2 yang kita dapati dalam majlis ini dan raayat sendiri akan mengetahui sama2 dengan tidak payah-lah saya menjeniskan apa jenis yang akan di-jeniskan terhadap orang2 itu — terpulang-lah kepada raayat sendiri".

Mengenai tegoran2 terhadap dasar Kerajaan, Yang Amat Berhormat itu menegaskan bahawa soal dasar Kerajaan ini maseh ada-ahli2 yang tidak mengindahkannya walau pun beliau beberapa kali menyatakan yang dasar Kerajaan itu ia-lah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang antara-nya

memberi kebebasan berchakap kepada raayat negeri ini.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, tegas beliau, ada-lah sentiasa mengingati akan kebajikan raayat-nya dari segi yang sekecil2-nya hingga-lah sebesar2-nya supaya raayat Negeri Brunei ini sentiasa bahagia dan aman selama2-nya.

Mengulas tentang kekesalan ahli2 yang di-pilih terhadap chara2 pentadbiran Kerajaan dan menchabar supaya Pegawai2 Kerajaan dalam majlis itu meletakkan jawatan, Yang Amat Berhormat itu berkata, beliau hanya dapat menerima chabaran itu jika ia sa-orang ahli yang di-pilih.

Beliau menekankan bahawa tidak ada sedikit pun perasaan takut di-kalangan Pegawai2 Kerajaan jikalau terjadi perubahan2 kepada pentadbiran di-negeri ini.

"Siapa pun memerintah, barangkali satu masa nanti kerajaan parti, selagi mereka suka dengan kami, kami akan berkhidmat. Siapa pun yang akan mentadbirkan, kami tidak gentar dan tidak khuatir", tegas beliau.

Yang Amat Berhormat itu juga menyatakan kesediaan Pegawai2 Kerajaan itu untuk bersara jika mereka tidak dingini lagi dan menyakinkan kepada ahli2 yang di-pilih itu supaya tidak ragu2 tentang hal tersebut.

Majlis Mashuarat Negeri meluluskan Undang2 Lambang2 dan Nama2 bagi mencheegah penggunaan yang salah

BANDAR BRUNEI. — Satu Undang2 untuk mencheegah penggunaan yang salah mengenai lambang2 dan nama2 yang tertentu bagi maksud2 pekerjaan dan perniagaan telah diluluskan dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang berlangsung pada hari Rabu yang lalu.

Undang2 tersebut telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Gelaran pendek undang2 tersebut boleh di-gelar sebagai Undang2 Lambang2 Nama2 (Pencheegahan P e n g g u a n a n Yang Salah), 1967.

Ada-lah di-fikirkan perlu mencheegah penggunaan yang salah mengenai lambang2 dan nama2 yang tertentu bagi maksud2 pekerjaan dan perniagaan.

Rang Undang2 tersebut bertujuan untuk mengawal penggunaan lambang2 yang tertentu dan mempersharatkan supaya kebenaran di - beri manakala di-fikirkan sesuai, terta'alok kepada sharat2 yang di-anggup perlu.

Tafsiran dalam undang2 ini melainkan kandongannya berkehendakkan ma'ana yang lain.

"PENGUSA YANG BERHAK" berma'ana sesiapa jua penguasa yang berhak di-bawah sebarang undang2 yang sedang berjalan kuatkuasa-nya pada masa ini untuk mendaftarkan sebarang sharikat, toko atau perbadanan lain atau sebarang tanda perniagaan atau rajah atau untuk memberi hak chip-taan;

"LAMBANG YANG DITENTUKAN" berma'ana sebarang lambang, mohor, bendera, tunggul, tanda kehormatan, gada2, tanda atau panji2 yang di-tentukan di-dalam Bahagian I dari Jadual;

"NAMA YANG DITENTUKAN" berma'ana mana2 nama yang di-tentukan di-dalam Bahagian II dari Jadual dan termasuk sebarang huruf rengkas bagi mana2 nama tersebut.

Larangan terhadap penggunaan yang salah mengenai

lambang2 dan nama2 dan gambaran2.

(1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandung di-dalam mana2 undang2 yang sedang berjalan kuatkuasa-nya pada masa ini, sesiapa jua pun tidak boleh, kechuali dengan kebenaran-bertulis dari Menteri Besar —

(a) menggunakan sebarang nama yang di-tentukan atau lambang yang di-tentukan atau sebarang tiruan yang tidak mengenai-nya, bagi maksud sebarang perdagangan, perniagaan, pencharian atau pekerjaan; atau

(b) menggunakan bagi maksud2, atau menunjukkan sebagai iklan bagi, sebarang perniagaan, perdagangan, pencharian atau pekerjaan, atau menjual, sebarang foto, lukisan atau lain2 gambaran mengenai Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri atau,

(c) menggunakan atau terus menggunakan nama yang di-tentukan atau lambang yang di-tentukan, atau sebarang tiruan yang tidak tepat mengenai-nya, dalam nama sebarang hak chiptaan, atau dalam sebarang tanda perniagaan atau rajah; atau.

(d) membuat bagi maksud2 penjualan atau menjual atau ada dalam simpanan-nya bagi penjualan sebarang lambang yang di-tentukan.

(2) Syarat2 perenggan (b) dari cherian (1) berhubung dengan sebarang foto, lukisan atau lain2 gambaran yang di-sebutkan tadi tidak akan dikenakan terhadap penerbitan berita (sama ada di-dalam sesuatu surat khabar atau mengenai sebarang perantaraan lain) atau terhadap penerbitan sebarang makalah di-dalam surat khabar.

(3) Menteri Besar boleh mengenakan syarat2 yang di-anggap-nya patut kepada sebarang kebenaran yang di-beri di-bawah cherian (1).

Larangan terhadap pendaf-

aran mengenai sharikat2 yang tertentu dan lain2-nya.

(1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandung di-dalam sebarang undang2 yang sedang berjalan kuatkuasa-nya pada masa ini, sesiapa jua penguasa yang berhak tidak boleh:—

(a) mendaftarkan sebarang sharikat, toko atau lain2 perbadanan di - bawah sebarang nama; atau

(b) mendaftarkan sesuatu tanda perniagaan atau rajah yang menunjukkan sebarang lambang, nama, foto, lukisan, atau lain2 gambaran; atau

(c) memberi sesuatu hak chiptaan mengenai sesuatu chiptaan yang menunjukkan sesuatu gelaran yang mengandongi sebarang lambang atau nama, jika penggunaan nama, lambang, foto, lukisan atau gambaran itu akan melanggar bab 3.

HUKUMAN:

Sesiapa jua yang melanggar syarat2 bab 3 akan bersalah dan jika di-dapati thabit kesalahan-nya boleh di-denda sebanyak tidak lebeh dari sabaru ringgit.

KEBENARAN BAGI PENDA'AWAAN:

Penda'awan terhadap sebarang kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah Undang2 ini tiada boleh dijalankan kechuali dengan kebenaran bertulis terlebeh dahulu daripada Penda'awa Raya.

KUASA2 UNTUK MEMINDA JADUAL:

Sultan dan Majlis Mashuarat boleh, dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan, menambah atau mengubah Jadual.

Lambang2 yang termasuk dalam rang undang2 itu ia-lah:

1. Bendera2 derajat, panji2 dan mohor2 rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.
 2. Mohor Kerajaan Negeri Brunei.
 3. Panji2 Brunei.
 4. Lambang atau mohor rasmi Pertubohan Bangsa2 Bersatu.
 5. Darjah2 Tanda2 Kehormatan, Pingat2, Lenchanan2 dan Bintang2 Kebesaran yang di-tubuhkan dengan undang2 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.
- Nama2 yang di-sebutkan di-dalam rang undang2 itu ia-lah:
1. Nama Duli Yang Maha Mulia Sultan.
 2. Nama Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.



Gambar atas menunjukkan sa-buah jambatan yang menghubungkan Jalan Gadong dan jalan menuju ka-Kilanas pada masa ini telah dapat di-gunakan untuk lalu lintas. Jambatan itu telah dibena berikutan dengan pembenaan jalan baru di-Gadong beberapa tahun yang lalu, tetapi pembenaan jambatan tersebut telah tergendala. Sementara menantikan sempurna-nya pembenaan itu, sa-buah jambatan sementara telah di-buat.

Tanggung jawab ahli2 Mashuarat Daerah termasuk menasihati penduduk2 yang di-wakili mereka

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait pagi Khamis lepas telah melangsungkan sidang bulanan-nya yang terakhir bagi tahun ini, bertempat di-bilik mashuarat Pejabat Pegawai Daerah itu.

Majlis telah tidak membahaskan agenda lima perkara-nya, tetapi telah membahaskan dan meluluskan minit2 dalam sidang yang lalu, di-sebabkan ahli yang menandatangani usul tersebut dan mengemukakan soalan2, menghadiri sidang Majlis Mashuarat Negeri.

Usul tersebut ada-lah ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi majlis, terhadap Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Hassanah Bolkiah Muiz-zaddin Waddaulah, dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan, keselamatan, ketenteraman dan kema'moran di-negeri ini.

Pegawai Daerah Belait Pengiran Mo'min bin Pengiran Haji Ismail sebagai Pengurus

dalam majlis itu, telah menasihatkan supaya perbahathan usul itu, di-tanggohkan, dan beliau memberikan ucapan terima kasih kepada ahli2 dalam majlis, kerana kerjasama dan bantuan mereka tahun ini.

Kata-nya, hasil dari usaha itu banyak kemajuan telah dicapai dalam berbagai jurusan. Beliau mengharapkan ahli2 Majlis Mashuarat itu akan terus memberikan bantuan dan kerjasama, bagi faedah penduduk dan Daerah Belait.

Pengiran Mo'min berkata, tanggung jawab ahli2 majlis Mashuarat Daerah, bukan-lah setakat mengemukakan usul2 dan soalan2, tetapi juga untuk memberikan nasihat yang berfaedah kepada penduduk2 di-kawasan pemilihannya.

Pengiran Mo'min meminta ahli2 majlis itu, supaya membuat pertanyaan dan penyiasatan, sebelum mengemukakan satu2 usul dalam majlis.



Orang ramai pada 19 Disember yang lalu telah banjiri pejabat2 pos di-seluruh negeri kerana membeli setem2 keluaran khas bagi memperingati sambutan Nuzul Al-Koran yang ka-1,400 tahun.

Setem2 tersebut ia-lah 50 sen, 25 sen, 10 sen dan 4 sen.

Jumlah setem2 yang telah dijual ia-lah sa-banyak 161,182

keping dari jualan setem2 tersebut.

Setem2 tersebut akan terus di-jual selama tiga bulan atau sa-hingga ia-nya habis di-jual.

Gambar atas menunjukkan beberapa orang kelihatan sedang menempalkan setem2 ka-sampul2 surat hari pertama pada hari tersebut.

BALAI BOMBA TUTONG SIAP DALAM BULAN FEBRUARI 1968

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam Soo Man berkata Balai Bomba di-Tutong akan dapat di-gunakan dalam bulan Februari tahun depan, memandang kepada kerja pembenaannya yang hampir2 siap.

Kata-nya pembenaan balai bomba itu ada-lah selaras dengan dasar jabatan-nya untuk mendirikan balai2 bomba di-kawasan yang ramai dengan penduduk-nya di-negeri ini.

Balai Bomba tersebut bertujuan untuk mengadakan jentera melawan api yang tersusun bagi Daerah Tutong. Ia-nya akan di-lengkapkan dengan alat2 melawan api yang moden, termasuk sa-buah motor bot untuk kegunaan di-kampung2 sepanjang tebing Sungai Tutong.

Bangunan itu di-anggarkan menelan belanja \$260,000.

Sementara itu sa-buah tangga berlipat yang di-beli dari Britain baru2 ini telah tiba di-Brunei.

Jentera tersebut ia-lah untuk melawan kebakaran di-bangunan2 tinggi.

Pengawal Perkhidmatan Bomba berkata tangga tersebut boleh di-naikkan sa-tinggi 100

kaki. Kata-nya dari satu masa ka-satu masa, semua balai2 bomba di-Brunei akan di-lengkapkan dengan tangga2 seperti itu. Ini memandang kepada bertambah-nya jumlah bangunan2 tinggi di-negeri ini.

Tangga tersebut di-beli dengan harga \$136,000.

Tiga orang Pengakap menghadiri Jambori di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai pengakap Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Australia pada hari Rabu yang lalu untuk menghadiri Jambori Pengakap Australia yang ke-8.

Jambori itu akan di-adakan di-Queensland selama 10 hari mulai 28 Disember, 1967.

Pegawai itu ia-lah Awang Salleh bin Haji Ibrahim, Awang Omar Ali bin Esong dan Awang Edward Jemat.

Persatuan Pengakap Australia baru2 ini telah menyumbangkan sa-banyak \$1,000 wang Australia kepada Persatuan Pengakap Brunei untuk memenuhkan sa-bahagian dari perbelanjaan pergi ka-Australia itu

RANCHANGAN BEKALAN AYER BAGI DAERAH2 BELAIT DAN TEMBARONG

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumumkan dua ranchangan bekalan ayer yang besar bagi Temburong dan Kuala Belait dan Seria sa-lain dari ranchangan bagi daerah Brunei Muara dan Tutong.

Satu kenyataan berkata sa-buah sharikat jurutera2 penasihat telah di-ambil untuk bekerja bagi ranchangan2 itu Ranchangan bekalan ayer bagi Daerah Brunei Muara dan Tutong telah di-luluskan oleh kerajaan.

Kenyataan itu berkata, 90 peratus dari Kampong Ayer telah mendapat bekalan ayer yang bertapis dari tempat simpanan ayer Tasek.

Kebanyakan dari kampong di-kawasan Kampong Ayer di-luar lingkungan bandar telah di-bekalkan dengan ayer yang bertapis atau sa-paroh di-tapis.

Daftar nama2 pengundi telah di-kaji semula

BANDAR BRUNEI. — Penyalia Pilehan Raya, Awang Matnoor McAfee telah mengumumkan bahawa daftar nama2 pengundi bagi daerah2 pemilihan di-negeri Brunei telah pun di-kaji semula.

In-nya akan berjalan kuat kuasa-nya mulai 15 Januari, 1968 dan buku2 daftar itu boleh di-periksa di-pejabat2 daerah masing.

Di-bawah peratoran pilehan raya, Darah Brunei dan Muara di-bahagikan kepada 78 unit pendaftaran, Belait 24, Tutong 27 dan Temburong 12.

Daftar nama2 pengundi itu telah di-susun berikutan selesai-nya pendaftaran tahunan pengundi2 baru dalam bulan Ogos yang lalu.

PELITA BRUNEI

27 Disember, 1967.

BAHAYA-NYA "SENTIMEN"

DALAM sidang Majlis Ma-shuarat Negeri, Yang Amat Berhormat Pengagang Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Hakim telah mengingatkan wakil2 rayat supaya berhati-hati berhubung kerana perkataan es-belum lepas kita-lah menjadi tuan-nya, tetapi apabila lepas dia menjadi tuan kita dan akan mengungkang kita. Beliau juga memasalahkan supaya dengar-lah dan fikir-lah sebelum berkata dan jangan dilepaskan mengikut sentiment sahaja.

Adalah menjadi satu perkara yang agak kurang baik, jika kita membiarkan diri kita di-kusai oleh perasaan yang keterlaluan dan kadang-kala ia boleh membawa tekanan terhadap diri kita, sama ada tekanan itu datang dari kita sendiri atau pun tekanan yang boleh kita sukakan mengungkang kepercayaan orang terhadap diri kita.

Sekali pun kita mempunyai dasar perjuangan yang tertentu, tujuannya bertujun untuk memelihara kepentingan rayat, selengkap atau amat manusia sejagat, biar-lah dan harus-lah kita berpandangan kepada saloran2 yang betul dan benar sesuai dengan dasar perjuangan itu. Maka ada-lah kurang baik dan kurang mendatangkan kesan yang di-ceritakan jika kita membiarkan peranan yang ada pada kita itu di-gunakan kepada arah munfaat-nya yang tidak meyakinkan dan bisa pula menimbulkan kekuran-an enak apa bila di-kuti oleh sesuatu juga. Kita juga tidak ingin sesuatu perkara akan timbul lebih lagi yang akan kurang baik yang punca-nya ia-lah dari apa yang kita chakapkan itu.

Bukan kita tidak mau ada-sya kritikal terhadap apa yang kita lihat dan kita dengar, tetapi biar-lah kritikal itu di-tujukan dan di-padankan kepada perkara2 yang benar dan kita mengkritikal bertujun pula untuk membiara dan membantu menimbulkkan unsur2 kebalkan-nya. Umpama-nya kita hendak mengorek satu2 perkara seperti menimbulkan keburukan yang terlepat pada satu2 jurusan itu, kerana bertujun untuk membiara dan menimbulkan kebalkan, maka biar-lah kritikal itu di-buat sa-chara detail yang menyebu-but satu persatu apa dia yang di-katakan buruk itu. Tidak-lah membisokpi jika kita minta supaya perkara yang di-katakan buruk itu yang di-katakan buruk itu di-burukan itu tidak di-sebutkan sa-chara detail dan chara bagini maseh dapat di-angap kritikal sekular melampau hatak di-tangga' saja.

SELAMAT HARI KAYA

Sidang Pengarang, kaki tangan bahasa Braya dan penerangan, jabatan Penjaran dan Penerangan, mengucapkan selamat hari raya, maaf daban dan baha dan selamat tahun baru, 1968. Mudah-mudahan kita sentiasa dalam perindungan Allah dan sentiasa mencapai kebahagiaan, kesihatan dan kemakmuran.



D.Y.M.M. Paouka Seri Sultan melihat kotak sambutan Nuzul Al-Kor'an sa-bagai menandakan rasmi-nya sambutan Nuzul Al-Kor'an peringat kemunchak. Kor'an itu kemudiannya di-ada-ba oleh Aw. H.J. Ismail bin H.J. Hashim.



Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan titah ucapan Batin dan kelihatan yang hadir termasuk Y.A.B. Pmk. Menteri Besar Brunei, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Hakim.



Dayang Fatimah binte Burut dan Awang Ahmad bin Burut, kedua2-nya wakil dari Daerah Brunei, Johan2 sharahan.

SA-MINGGU BAGI KEMUNCHAK SAMBUTAN NUZUL AL-KOR'AN 1,400

SEJAK 18 dan hingga-lah 25 Disember 1967 yang baru lalu, penduduk Negeri Brunei terutama sekali umat Islam telah membanjiri pekarangan Masjid Omar yang ka-1,400 tahun. Bersempena dengan itu, Mahligai atau Bahtera Di-Raja yang di-bena di-lagoon Masjid Omar Al-Saifuddin telah di-rasmiakan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, seiring dengan pembukaan rasmi sambutan Nuzul Al-Kor'an itu. Mahligai itu di-bena bukan hanya untuk menjayakan perbelanjaan bagi peseta2 agama dan peraduan membaca Kitab Suci Al-Kor'an yang di-adakan di-negeri ini pada tiap2 tahun yang selalu-nya memakan perbelanjaan yang besar untuk membena pentas2 peraduan2 tersebut, tetapi juga sebagai kenangan2 yang abadi atas sambutan Nuzul Al-Kor'an itu.

Di-sepanjang sambutan itu di-adakan berbagai2 peraduan telah di-jalakan seperti peraduan2 mengarang dan membaca sajak dan menulis rencana bagi seluruh murid2 sekolah di-peringkat2 rendah, menengah dan peratusan2 yang tujuannya besar-nya ia-lah untuk membangkitkan kesedaran terhadap Agama di-kalangan mereka itu. Demikian juga halnya dengan peraduan2 nashid, qasidah, bang, hadhrab, berzanji, menghafaz Al-Kor'an dan membaca Kor'an bagi murid2 sekolah2 agama seluruh negeri. Peraduan pementasan tablo telah juga di-adakan untuk peratusan2 belia yang cenderung dalam hal pementasan, dengan satu cerita yang benar2 terjadi dalam sejarah Islam. "Tujuannya tidak lain, melainkan untuk membangkitkan semangat dan roh keislaman di-jiwa mereka dan supaya mereka sadar akan tanggung jawab mereka sendiri", demikian menurut Pengtuta Pegawai Hal-Ehwal Agama, Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin. Di-samping itu risalah Nuzul Al-Kor'an telah juga di-terbitkan.

Sesuai dengan peranan Agama Islam sebagai Agama rasmi di-negeri ini, maka sudah memang wajar supaya saha2 yang berani harus di-lakukan terhadap perkembangan dan kesucian-nya (Di-halaman ini di-siarkan ganjar2 yang di-ambil semasa sambutan Nuzul Al-Kor'an peringat kemunchak itu di-siarkan.)



Hadhrab perempuan dari Persatuan Bui Putera Belait berjaya menjadi Johan seluruh negeri.



Pasukan perarakan tanglong berjaya dari Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Sigai Klanggich.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang.




Awang Haji Ismail bin Haji Hashim, Johan membaca Kor'an antara bangsa, 1966 sedang memperdengarkan bacaan-nya pada malam pembukaan sambutan tersebut.



Dayang Zaridah binte Zarkashi peserta dari Daerah Brunei dalam peraduan membaca Kor'an murid2 sekolah Agama.



Pengtuta Pegawai Hal-Ehwal Agama, Y.A.M. P.M. Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin, pengertuis sambutan sedang menyampaikan hadiah kepada Johan Pementasan Tablo.



Dayang Hajjah Rogayah binte Sulong, Johan membaca Kor'an antara bangsa bagian qariah, 1966 juga di-undang untuk memperdengarkan bacaan-nya.



Pasukan Hadhrab "BAMA" Kampung Batu Marang, pimpinan Awang Mohalim berjaya menjadi Johan seluruh negeri.

BUKU NUZUL AL-KOR'AN: KOR'AN MENGANDONGI HIKMAT2 YG. TIDAK ADA TOLOK BANDING-NYA

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menerbitkan sa-buah buku, kerana memperingati ulang tahun Nuzul Al-Kor'an yang ke-1,400.

Buku tersebut, telah disusun oleh jawatankuasa Risalah Nuzul Al-Kor'an yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Dalam kata2 pendahuluan buku yang mengandungi 200 muka itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah memuji badan jawatankuasa risalah Nuzul Al-Koran, kerana usaha mereka mengumpul dan menerbitkan ringkasan, tulisan2 cherdek pandai ugama dari dalam dan luar negeri.

Baginda telah melahirkan keperchayaan, bahawa risalah yang di-terbitkan itu, akan dapat menyampaikan tujuan2nya, dan akan dapat men-

yumbangkan satu kesan yang baik, kepada perkembangan pengajaran Kor'an khas-nya dan pengajian ugama am-nya di-Brunei. Baginda juga mengharapkan penerbitan lain2 buku ugama, bagi kepentingan kemajuan ugama Islam di-negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan berkata, Koran mengandungi hikmat2 yang tidak ada tolok banding-nya, dan selaras dengan keadaan, perubahan, dan peredaran masa, kerana kemajuan dan perkembangan bagi kebajikan dunia, dan akhirat.

Buku itu di-susun khas untuk di-bacha oleh orang2 Islam, untuk meluaskan pengetahuan mereka pre-hal yang membawa kepada turun-nya kitab suci Al-Kor'an.

Ketika mengulas buku tersebut, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Jamil berkata, ia-nya di-terbitkan kerana menjadi maksud kerajaan untuk mengembangkan ajaran2 Islam yang terkandung didalam kitab suci itu.

Sambutan

Hari Raya

anjoran kampung dan belia2

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 Kampong Sungai Pandan akan mengadakan sambutan Hari Raya Puasa pada Hari Raya yang ke-lima dan keenam dengan mengadakan berbagai2 achara anika warna, termasuk-lah peraduan menyanyi yang terbuka kepada lelaki dan perempuan di-Bandar Brunei.

Borang2 kerana memasuki peraduan itu boleh di-dapati daripada; Awang Abdul Hamid bin Damit di-Jabatan Laut; Awangku Tuah bin Pengiran Apong di-Bangunan Guru2 Melayu Brunei; dan Awang Emran bin Gamok di-Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei.

Tarikh penutup ia-lah pada 1 Januari, 1968.

Sementara itu beberapa buah persatuan2 belia pun meranchangkan untuk mengadakan sambutan Hari Raya Puasa di-Kampong masing2 dengan mengadakan beberapa achara yang beranika warna.

KETETAPAN BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Kadhi Besar Brunei telah menetapkan bayaran Zakat Fitrah bagi tahun ini dengan berdasarkan beras yang sekarang berharga \$3.00 sa-gantang di-Bandar Brunei, \$305 di-Muara dan Tutong dan \$3.10 di-Seria, Belait dan Temburong.

Kata-nya, berdasarkan kepada harga2 beras di-kawasan itu maka Zakat Fitrah ada-lah seperti berikut.

BAYARAN FITRAH

Di-Bandar Brunei, Zakat Fitrah ia-lah \$1.87½. Di-Muara dan Tutong \$1.90⅝ dan di-Seria, Belait dan Temburong ia-lah \$1.93¾.

Nilai tersebut ada-lah bersamaan dengan harga beras bagi 3 kati 12 tahlil yang harus di-bayar.

Kadhi Besar itu berkata, Zakat Fitrah bagi tiap2 sa-orang Islam di-negeri ini adalah shah di-keluarkan menurut salah satu dua chara ia-itu dengan beras atau wang yang sama nilai-nya dengan harga beras, menurut tempat di-mana mereka diam.

ANAK BULAN

Sementara itu satu rombongan pegawai2 Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan Pejabat Ukor akan pergi melihat anak bulan Shawal pada hari Ahad 31 Disember bagi menentukan Hari Raya Puasa.

Jika anak bulan Shawal kelihatan pada malam 31 Disember, maka Hari Raya akan jatuh pada hari Isnin 1 Januari dan jika tidak Hari Raya akan

jatuh pada hari selesa, 2 Januari, 1968.

Ketetapan sembahyang Hari Raya di-masjid2 seluruh negeri Brunei ia-lah pada jam 7.30 pagi.

Hari Raya pertama dan hari yang berikut-nya telah ditetapkan hari kelepasan awam di-negeri Brunei.

Tempat pemereksaan Kastam di-sempadan Brunei dan Sarawak siap tahun depan

KUALA BELAIT. — Tempat pemereksaan kastam yang baru dekat sempadan Brunei-Sara-

wak kira2 di-pertengahan jalan di-antara Kuala Belait dan Sungai Baram di-jangka akan

dapat di-gunakan dalam bulan Februari tahun depan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kastam berkata, kerja membena bangunan baru itu hampir2 siap.

Tempat pemereksaan baru itu akan menggantikan steshen kastam yang ada sekarang ditebing Sungai Belait.

Steshen baru itu di-ranchang khas untuk memberikan kesenangan bagi orang ramai yang mengembara di-antara Kuala Belait dan Miri. Ada terdapat dua pintu yang berasingan bagi pengembara2 yang keluar dan datang ka-Brunei dan juga terdapat bangsal2 yang berasingan bagi memereksa barang2.

Kemudahan2 ini kata juruchakap itu, tidak di-dapati di-steshen pemereksaan yang ada sekarang.

Pembenaan steshen itu adalah perlu di-sebabkan oleh semakin bertambah-nya kereta2 dan pengembara2 di-antara kawasan di-tebing sungai Belait dan sempadan.

Steshen yang ada sekarang akan di-ruboh apabila yang baru itu siap nanti.



Pemereksaan Kastam dan Imigeresen di-sempadan Brunei dan Sarawak akan di-jalankan dengan lichin-nya apabila bangunan untuk melaksanakan kerja2 pemereksaan itu siap di-bena nanti. Kerja2 bagi membena bangunan itu (seperti gambar atas) kelihatan dalam peringkat terakhir.

Perubahan kechil sistem lalu lintas di-Seria

SERIA. — Perubahan kechil telah di-lakukan ka-atas peratoran2 lalu-lintas dan penarahan kereta yang dalam perubahan di-Seria, dalam usaha untuk mengurangkan keadaan sibok, dan bagi memudahkan perjalanan kereta yang keluar dari kawasan membeli-belah.

Semua kenderaan dari Jalan Bunga Melor, hendaklah belok ka-kiri masuk ka-jalan sebelah tepi, atau jalan terus hingga ka-simpang belok kiri, masuk ka-Jalan Sultan Omar Ali, atau belok ka-kanan menuju ka-Jalan Tengah.

Kenderaan dari Jalan Bunga Kuning yang menuju ka-Jalan Sultan Omar Ali, akan belok ka-kiri, masuk ka-Jalan sebelah tepi, atau jalan terus hingga ka-simpang, kemudian belok ka-kiri, masuk ka-Jalan Sultan Omar Ali, atau belok ka-kanan menghala ka-Jalan Raja Isteri.

Kereta2 yang masuk ke-Ja-

lan Sultan Omar Ali, dari Jalan Raja Isteri pula, hendaklah belok ka-kiri masuk ka-Jalan Bunga Kuning atau terus hingga ka-Jalan Sultan Omar Ali.



JAWATAN KOSONG:

Sebagai Pembantu Ranchangan Bahagian Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sabagai Pembantu Ranchangan Tingkatan III (Bahagian Inggeris) di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris.

Ujian akan di-adakan bagi menentukan chalon2 sesuai untuk jawatan ini.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sechara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan. Chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaan.

BAKSIS:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1968.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27 Disember, 1967, hingga ka-hari Selasa 2 Januari, 1968 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
28 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
29 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
30 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
31 Dis.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
1 Jan.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	
2 Jan.	12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jambatan lalu lintas yang pertama di-Brunei yang menyeberangi Jalan Kumbang Pasang berhampiran dengan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri sekarang hampir2 siap pembenaan-nya.

Jambatan yang di-ranchangkan oleh Lembaga Bandaran itu ada-lah untuk mengatasi kesibokan orang2 yang berjalan kaki di-masa2 yang se-bok.

Jambatan itu panjang-nya 70 kaki dan tinggi-nya 18 kaki dari muka jalan.

Gambar atas menunjokkan jambatan tersebut sedang dalam pembenaan.



Perkataan sa-belum lepas kita-lah tuan-nya — bila lepas dia tuan kita — Kata Pmk. M.B.

(DARI MUKA 1)

"Tiba masa-nya kita akan menerima giliran dan kita akan melihat chara2 itu nanti dan kami yang duduk di-sini akan menjadi raayat biasa", Yang Amat Berhormat meyakinkan lagi kepada ahli2 yang di-pilih itu.

Mengenai titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan tentang keshukoran Baginda yang kita bebas dari kekacauan dan Baginda juga mengingatkan tentang keadaan di-sekeliling tetangga kita, Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa ada ahli2 yang di-pilih telah menimbulkan "anchaman" luar dan dalam negeri.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar ingin benar mengetahui alasan bagaimana-kah yang sesuai sandaran sapertimana yang dikatakan anchaman itu. Adakah anchaman sa-bagaimana yang terjadi dalam tahun 1962?

Mengenai ayat "sejak kami di-pilih tidak ada kekacauan" yang di-lapadzkan oleh setengah2 ahli yang di-pilih itu, Yang Amat Berhormat mengulas:

"Apakah arti-nya ayat itu? Sama-lah kalau saya sifatkan, kalau saya kahwin dengan sa-

orang perempuan, kemudian saya katakan kepada-nya; sejak saya kahwin dengan engkau, kau tak buat jahat lagi. Jadi, tidak payah saya buat ma'ana lain — ma'ana-nya sebelum-nya kahwin dengan saya, dia pernah menjadi sa-orang perempuan yang jahat", tegas beliau.

Beliau mengingatkan ahli2 yang di-pilih itu supaya berhati2-lah berchakap, sebab, kata beliau, "perkataan sa-belum lepas kita-lah menjadi tuan-nya, tetapi apabila lepas dia menjadi tuan kita — akan mengungkong kita".

Mengenai tuduhan yang pentadbiran Kerajaan semakin lemah, Yang Amat Berhormat itu menyatakan bahawa kerana timbul-nya tuduhan yang sedemikian boleh jadi di-sebabkan Kerajaan tidak dapat membuat apa yang di-kehendaki oleh wakil2 raayat itu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga telah mensifatkan "palsu" tentang lampiran surat khabar yang di-tunjokkan oleh sa-

orang ahli yang di-pilih yang menyatakan bahawa sa-buah negeri di-Tenggara Asia pernah membuat tawaran kepada Kerajaan Brunei bagi memajukan lapangan pelajaran.

"Sa-bagai Ketua Pentadbiran di-negeri ini, jikalau sekiranya ada tawaran daripada Kerajaan yang di-sebutkan itu saya-lah yang mengetahui-nya. Tetapi apa yang saya ketahui pada masa ini tidak ada tawaran yang di-buat kepada Kerajaan saperti yang di-sebutkan itu.

Mengenai chabaran supaya Kerajaan melantek satu surohan jaya menyiasat dalam hal Jabatan Letrik, Yang Amat Berhormat itu menjelaskan:

"Saya sendiri juga ingin mengetahui, sekiranya-nya dapat dibuktikan oleh ahli Yang Berhormat itu bahawa apakah perkara yang telah di-lakukan oleh Jabatan Letrik, sama ada Pegawai2 di-atas-nya atau pun yang di-bawah-nya melakukan yang tidak di-ingini dan menjulok mata saperti mengambil 'rasuah' atau pun mereka telah menyelewengkan wang negara kepada yang bukan untuk projek Letrik, tetapi untuk perut yang lain2-nya."

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar menyangkal tentang tuduhan yang raayat tidak bebas bersuara dan raayat tidak dapat bersama2 mengambil bahagian dalam mengendalikan pentadbiran negeri ini.

"Kita sama2 dengar yang wakil2 raayat itu berchakap apa jua yang mereka katakan dan sa-bahagian besar daripada yang menjalankan pentadbiran negeri pada masa ini ada-lah raayat negeri ini, walau pun belum sampai kepada bilangan seratus peratus", tegas beliau.

Mengenai kenyataan yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam sidang hari Khamis lepas yang menyebutkan perkataan "amanah", sa-orang ahli yang di-pilih telah menyalah artikan susunan ayat yang di-gunakan oleh Yang Amat Berhormat itu. Ahli di-pilih itu menuduh bahawa Yang Amat Berhormat mengatakan yang raayat Brunei tidak amanah.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar sa-benar-nya berkata:

"Siapa pun yang duduk dalam jawatan itu (Pengawal Imigresen), baik dia anak ne-

geri atau pun orang luar negeri yang di-pinjam, AMANAH itu-lah yang di-utamakan. Takdir-nya anak negeri sendiri duduk di-sana, kalau dia tidak AMANAH — tidak-lah berfaedah juga", demikian kenyataan yang sa-benar-nya dari Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar.

Menyesali akan kenyataan beliau yang di-putar belitkan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar berkata:

"Ini-lah satu daripada chara2 ahli2 yang di-pilih telah menyelewengkan kata2 supaya di-dengar raayat yang di-wakili mereka bahawa mereka bijak berkata2 di-sini".

Beliau mengingatkan wakil2 raayat itu supaya, dengar-lah dan fikir-lah sa-belum berkata dan jangan melepaskan mengikut sentimen sahaja.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar menjelaskan tentang kebanyakan wang Brunei di-simpan di-Crown Agent yang menjadikan setengah2 ahli yang di-pilih menyatakan ketidakpuasan hati mereka.

"Nasib baik kita menyimpan wang simpanan lebeh kita di-Crown Agent, kalau kita simpan di-sini, maka dalam pemerintahan tahun 1941 hingga 1944 dah tak ada langsung lagi wang kita — habis lesap. Dan boleh jadi, barangkali kalau kita simpan di-sini, dalam tahun 1962 wang itu dah dibagi2kan sama rata untuk raayat di-sini. Jadi nasib-lah wang itu maseh di-sana dan dapat-lah sekarang kita gunakan lagi", tegas beliau.

Mengenai titah Duli Yang Maha Mulia yang menyebut kebajikan dan munafaat, ada ahli2 yang di-pilih menyalah bahawa munafaat itu tidak dapat di-nikmati oleh penduduk2 luar bandar.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar menyalah atas kenyataan demikian. Sebab-nya, kata beliau:

"Saya rasa sekurang2-nya, jalan raya, elektrik, persekolahan dan perkhidmatan perubatan di-nikmati bukan hanya oleh penduduk2 dalam bandar bahkan juga di-luar bandar".

Walau machamana pun, Yang Amat Berhormat mensifatkan sa-bagai 'bagus juga' apabila ahli yang di-pilih itu mengatakan bahawa nikmat2 itu hanya di-dapati oleh orang2 dalam bandar saja, termasuklah ahli2 yang di-pilih itu sendiri dapat menerima sama nikmat-nya.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Muhammad Bolkih, adinda kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan kelihatan dalam gambar sa-belah kanan sedang mengambil bahagian dalam satu latehan perbarisan baru2 ini bagi perbarisan Baginda Queen di Sandhurst, Maktab Tentera Di-Raja British yang mashhor diselatan England.

Yang Teramat Mulia itu akan di-lantek sebagai sa-orang Leftenan Muda dalam pasukan Irish Guards.

Istana di-buka untok Hari Raya

BANDAR BRUNEI. — Istana Darul Hana akan di-buka kepada orang ramai sa-lama tiga hari, mulai Hari Raya yang kedua untuk membolehkan Umat Islam dan penduduk2 negeri ini bagi mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Baginda akan menerima pelawat2 mulai pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 hingga 4.00 petang pada hari tersebut.